

03 AUG 1999

Mahathir-Anwar

LAPORAN POLIS ANWAR BERTUJUAN PANJANGKAN PERBICARAAN, KATA MAHATHIR

IPOH, 3 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri hari ini berkata beliau menjangka Datuk Seri Anwar Ibrahim dan rakan-rakannya akan membuat lebih banyak laporan polis untuk mendakwa macam-macam penyelewengan sebagai strategi bekas timbalan perdana menteri itu memanjangkan tempoh perbicaraan terhadapnya.

"Saya percaya akan ada banyak lagi laporan-laporan yang dibuat oleh Datuk Seri Anwar dan rakan-rakannya. Strategi dia ialah supaya perbicaraan ini berjalan sampai habis pilihan raya," kata beliau.

Anwar sedang dibicarakan atas tuduhan meliwat bekas pemandu isterinya Azizan Abu Bakar.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata dengan strategi itu, Anwar berharap dalam masa pilihan raya (yang harus diadakan sebelum Jun tahun depan) pemimpin kerajaan tidak boleh bercakap apa-apa mengenai beliau kerana mereka akan melakukan kesalahan menghina mahkamah.

"Strategi itu kita faham, tapi kita pun tahu cara macam mana kita boleh berkata sesuatu yang tidak akan menyebabkan kita menghina mahkamah," katanya pada sidang akhbar di sini sebelum berlepas ke ibu negara setelah melakukan lawatan dua hari ke Perak.

"Saya tahu strategi dia, dia akan bawa macam-macam, dulu dia kata 'I will fight' (saya akan lawan), inilah fight (cara)nya," kata Dr Mahathir.

Dr Mahathir berkata demikian ketika diminta mengulas mengenai laporan polis yang dibuat oleh Anwar terhadapnya pada 9 Julai lalu kerana dikatakan tidak mengambil tindakan terhadap Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz.

Anwar yang sedang menjalani hukuman penjara enam tahun kerana disabitkan kesalahan menyalahgunakan kuasa, mendakwa Rafidah telah menyalahgunakan kedudukannya meluluskan peruntukan sejumlah saham kepada menantu lelakinya.

Dr Mahathir sebelum itu memulakan ulasannya dengan berkata terserah kepada polis untuk melakukan siasatan mengikut saluran undang-undang terhadap laporan polis yang dibuat Anwar.

"Saya tak tahulah, itu terpulang kepada polis membuat siasatan mengikut proses biasa undang-undang," kata beliau.

Perdana Menteri yang setakat telah melakukan lawatan ke negeri Kedah, Kelantan, Terengganu dan Pulau Pinang untuk memberi penerangan kepada rakyat mengenai isu-isu semasa, juga ditanya penilaiannya tentang penerimaan orang ramai mengenai penyingkiran Anwar daripada kabinet dan Umno.

"Sekarang ini rakyat lebih faham tentang macam-macam isu yang dibangkitkan parti lawan termasuk isu kenapa Datuk Seri Anwar disingkir. Mereka lebih faham dan mereka menerima," katanya.

Pada mulanya orang ramai berfikir tidak seharusnya Anwar dikenakan tindakan itu tetapi sekarang mereka sudah tahu dan lebih sedia menyokong kerajaan, kata Perdana Menteri.

Ditanya tentang pendedahan menerusi Internet apa yang didakwa sebagai dokumen-dokumen rahsia dalam laman web yang diwujudkan oleh rakan-rakan Anwar, Dr Mahathir berkata: "Ini adalah perkara yang polis harus lakukan siasatan."

"Mereka perlu pastikan sama ada dokumen-dokumen itu tulenakah atau tidak. Macam mana orang dapat dokumen-dokumen itu, macam mana dia boleh siarkan itu?"

"Sedangkan kita kata apabila sesuatu kes itu dalam mahkamah kita tak boleh tegur tetapi nampaknya pihak yang lagi satu ini macam-macam dia boleh keluarkan," katanya.

Dr Mahathir berkata: "Kita mengelak daripada berkata apa-apa tetapi ada orang lain yang tak hormat langsung mahkamah."

-- BERNAMA

ZKS RON